

MYFutureJobs platform cari, tawar kerja

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memastikan peluang pekerjaan kepada rakyat diberi ke-Wutamaan di bawah platform baharu portal pekerjaan nasional, MYFutureJobs berkuat kuasa 1 November ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, MYFutureJobs akan menjadi platform tunggal untuk memantau padanan pekerjaan membabitkan rakyat tempatan.

Justeru, menurut beliau, mana-mana majikan dan pekerja yang menggunakan platform JobsMalaysia akan diubah hala (redirect) ke portal MYFutureJobs.


“Permohonan pekerja asing atau pegawai dagang hanya dipertimbangkan sekiranya



MYFutureJobs akan menjadi platform tunggal untuk memantau padanan pekerjaan membabitkan rakyat tempatan.”

M. SARAVANAN

tiada rakyat Malaysia yang berminat memohon jawatan berkenaan,” kata beliau dalam kenyataan semalam.



Saravanan berkata, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) diminta membantu

pihak majikan mengaturkan sesi temu duga di premis majikan atau mana-mana lokasi dipersetujui.

Dalam pada itu, menurut beliau, majikan yang berhasrat menggajikan pekerja asing melalui program pengambilan semula (re-hiring) dan permohonan pengambilan pegawai dagang (expatriate) diwajibkan mengiklankan kekosongan jawatan tersebut di portal sama.

Katanya, pengiklanan kekosongan jawatan di MYFutureJobs hendaklah tidak kurang daripada 14 hari bagi program re-hiring pekerja asing (yang sedia ada dalam negara) dan 30 hari bagi permohonan pegawai dagang.